

Malaysia tak harap Australia minta maaf

U.M. 20 JUL 1991

(P)

KUALA LUMPUR 19 Julai — Malaysia tidak mengharapkan Australia untuk 'meminta maaf' sebaliknya berunding dengan fikiran yang terbuka bagi mencari penyelesaian mengatasi masalah yang wujud dalam hubungan antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, perbincangan beliau dengan wakil khas kepada Perdana Menteri Australia, Encik Gareth Evans pada minggu depan patut diadakan dalam suasana yang terbuka.

"Saya belum ada sebarang idea untuk diketengahkan dalam perbincangan itu dan saya juga tidak akan menetapkan sebarang pendirian kerajaan Malaysia kepada Australia," katanya kepada para pemberita selepas merasmikan mesyuarat Menteri - Menteri Luar ASEAN di sini hari ini sebagai mengulas pertemuannya yang akan diadakan dengan Menteri Luar Australia, Encik Gareth Evans di Kuala Lumpur minggu depan.

Menurutnya, Perdana Menteri Australia, Encik Bob Hawke ada mengutus sepucuk surat yang menjelaskan bahawa Encik Gareth adalah wakil khasnya yang dihantar untuk berbincang mengenai hubungan Malaysia - Australia.

"Saya bersedia menemui beliau (Encik Gareth) dan bila kami berbincang sudah tentu kami mengharapkan sesuatu keputusan dicapai.

"Saya juga tidak mengharapkan Australia meminta maaf bagi memulihkan hubungan ini," katanya.

Ditanya bagaimana beliau menyifatkan hubungan Malaysia - Australia pada masa ini, katanya, "kedua-dua negara adalah anggota Komanwel."

Mengenai hubungan Malaysia - Thailand pula, beliau menjelaskan, Ma-

laysia tidak mempunyai sebarang konflik dengan negara tersebut.

"Suka saya menegaskan di sini bahawa Malaysia adalah satu - satunya negara ASEAN yang mempunyai sempadan dengan semua negara ASEAN yang lain.

"Tetapi negara ASEAN lain hanya mempunyai hubungan sempadan dengan sebuah saja negara ASEAN," katanya.

Menurutnya, dakwaan yang menyatakan Malaysia menghadapi masalah yang runcing dengan negara ASEAN lain adalah tidak benar kerana negara ASEAN lain juga mempunyai masalah dengan sempadan mereka.

Menyentuh tentang pertemuannya dengan Setiausaha Negara Amerika, Encik James Baker pada minggu depan, katanya, beliau akan memberi penjelasan tentang penubuhan EAEG kepadanya.

Tambah Perdana Menteri, beliau juga akan membincangkan soal hubungan Malaysia - Amerika Syarikat dalam pertemuan itu.